



**LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI  
(LANGKAWI DEVELOPMENT AUTHORITY)**

**IKLAN JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa kepada warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan di Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA).

- 1) (a) Jawatan : **JURUTERA  
GRED J41  
(1 Jawatan)**
- (b) Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan : Lembaga Pembangunan Langkawi
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan Dan Profesional
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan

- 2) Jadual Gaji :

Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Maksimum
J41	RM2,529.00	RM9,643.00

- 3) Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred J41: RM2,529.00).

4) Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Keupujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

5) Taraf Jawatan : **TETAP**

6) Deskripsi Tugas : Melaksanakan penyelenggaraan dan pembaikan ke atas semua bangunan dan kemudahan awam serta mengawasi aspek kejuruteraan.

7) Panduan/Cara Memohon

(7.1) Borang-borang permohonan boleh didapati dengan melayari laman web LADA di alamat <https://www.lada.gov.my/jawatan-kosong/>

a) Borang permohonan yang telah siap diisi hendaklah disertakan dengan salinan seperti berikut:-

- i. Kad Pengenalan;
- ii. Sijil Kelahiran;
- iii. Sijil Berhenti Sekolah;
- iv. Sijil Pelajaran Malaysia; dan
- v. Lain-lain sijil yang berkaitan(kurikulum & kokurikulum)

(7.2) Setiap permohonan mestilah ditulis (NAMA JAWATAN YANG DIMOHON) di bahagian atas sebelah kiri sampul. Permohonan yang telah lengkap diisi dan ditandatangani hendaklah dikemukakan ke alamat seperti di bawah:-

Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Pembangunan Langkawi  
Tingkat 3, Kompleks LADA  
Jalan Persiaran Putra  
07000 Kuah, Langkawi  
**KEDAH DARUL AMAN**  
(u.p. Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan)

8) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temu duga. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup permohonan hendaklah menganggap bahawa permohonan mereka tidak berjaya.

9) Permohonan yang ditolak:

- (9.1) Tidak disertakan gambar terbaru yang berukuran passport seperti ditetapkan;
- (9.2) Tidak disertakan salinan dokumen yang diperlukan (salinan kad pengenalan, sijil lahir dan salinan sijil-sijil yang berkaitan);
- (9.3) Tidak lengkap dan tidak terang;
- (9.4) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
- (9.5) Tidak menandatangani borang permohonan; dan
- (9.6) Mengemukakan maklumat palsu.

10) Tarikh tutup permohonan ialah pada **14 SEPTEMBER 2022**. Sebarang pertanyaan lanjut bolehlah menghubungi Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan di talian 04-9600600.